

29/10/2003

Kayveas nafi dedah nama untuk popular

TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M Kayveas, akan mendedahkan nama kakitangan awam yang terbabit dalam kes penyelewengan jika beliau terus dikritik berikutan kenyataan terbukanya berhubung salah laku dalam agensi kerajaan.

Beliau menegaskan, tindakan itu adalah langkah terakhir dan bukan berhasrat untuk menjadi popular dengan pendedahan berkenaan.

Katanya, tindakan itu dibuat berdasarkan bukti dan dilakukan demi memenuhi tanggungjawabnya sebagai pemimpin.

"Saya hanya merujuk kepada segelintir mereka yang melakukan kesalahan dan tidak berniat menyinggung perasaan mana-mana pihak.

"Saya bukan membuat kenyataan melulu, sebaliknya berdasarkan kepada pengalaman dan aduan yang diterima daripada penduduk sewaktu bertugas di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Malangnya, kenyataan saya itu

disalah erti dan mewujudkan rasa tidak puas hati di kalangan segelintir mereka," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, semalam.

Beliau mengulas mengenai laporan akhbar kelmarin bahawa pelbagai organisasi dan individu menolak dakwaan bahawa pihak berkuasa tempatan tidak mengamalkan budaya mesra pengguna.

Kritikan itu adalah komen terhadap ucapan Kayveas pada Perhimpunan Agung

ke-50 Parti Progresif Rakyat (PPP) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Sabtu lalu, yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kayveas menganggap mereka yang mengkritiknya sebagai tidak memahami kandungan ucapannya ketika perhimpunan itu.

"Kenyataan itu diharap dapat membetulkan keadaan dan menjaga imej kerajaan. Saya dapati banyak aduan yang dikemukakan penduduk tidak diambil

tindakan segera, malah ada yang diperam bertahun-tahun.

"Segelintir pegawai kerajaan tidak menjalankan tanggungjawab dengan betul dan ini mewujudkan imej buruk kepada kerajaan. Saya tidak mahu disebabkan nila setitik, rosak susu sebelanga," katanya.